

Perhebat kempen bantu anak muda jauhi maksiat, hindari zina



Oleh Dr Mohammad Hariz Shah
 Mohammad Hazim Shah
 bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
 di Pusat Pengajian
 Undang-Undang,
 Kolej Undang-
 Undang, Kerajaan
 dan Pengajian
 Antarabangsa,
 Universiti Utara
 Malaysia

Isu kehamilan remaja, perkahwinan bawah umur, pembuangan bayi dan pengguguran tidak selamat semakin membimbangkan dapat dilihat berdasarkan laporan Institut Kesihatan Umum, Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan lebih 154,646 remaja antara usia 13 hingga 17 tahun melakukan aktiviti seksual.

Sebanyak 33 peratus atau 51,036 daripada jumlah pelajar sekolah menengah melakukan amalan seksual sebelum usia 14 tahun, sekali gus berpotensi dijangkiti HIV.

Ini bukan isu tabu boleh didiamkan sahaja, sebaliknya faktor utama perlu dikenal pasti supaya penyelesaian dapat dicari dan langkah pembendungan dilaksanakan seawal mungkin.

Antara punca dikenal pasti ialah ketagihan pornografi, pengaruh rakan sebaya dan perasaan ingin tahu, selain media sosial luas tanpa kawalan serta pemantauan.

Justeru, pendidikan seks atau kesihatan di sekolah rendah dan menengah perlu diperhebat, manakala kanak-kanak dan remaja bukan sahaja perlu diingatkan berwaspada dengan orang asing, bahkan keluarga dan saudara sendiri yang berpotensi melakukan antunan dan amang seksual.

Media sosial juga antara punca utama menyumbang masalah ini, terutama kemunculan akaun lucah dan perkhidmatan ditawarkan akaun sisi gelap atau *dark-side*.

Sebelum era internet, seseorang perlu turun ke jalanan seperti Lorong Haji Taib dan Jalan Chow

Kit untuk melanggan khidmat pelacur, tetapi kini ia boleh dipesan melalui aplikasi di telefon pintar sahaja, manakala banyak aplikasi janji temu membara kepada hubungan seks satu malam atau *hook-up*.

Amalan 'seks segera' ini membawa kepada ketagihan, seterusnya mengundang penyakit berbahaya dan menular dalam masyarakat. Kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022 mendapati 88 peratus daripada jumlah disebut di atas mengaku tidak menggunakan sebarang perlindungan kesihatan seksual.

Saranan ujian saringan HIV tanpa persetujuan ibu bapa atau penjaga bermula usia 16 tahun perlu dilakukan kajian lanjut. Sebelumnya, terdapat cadangan supaya diturunkan had usia ujian saringan HIV daripada 18 ke 16 tahun bagi membendung penularan penyakit berkenaan.

Ini mencetuskan polemik kerana dari sisi positif, ia langkah proaktif mengatasinya secara tuntas, tetapi berisiko menimbulkan stigma dan diskriminasi kepada penghidap HIV serta memberi kesan buruk kepada kesihatan mental dan emosi mereka.

Lambakan aplikasi promosi kontroversi

Ia juga menimbulkan persoalan sejauh manakah kerajaan perlu mengawal selia lambakan aplikasi ada seperti menyekat atau mengawal penggunaannya? Pada 2021, aplikasi kontroversi Sugarbook disekat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) setelah mendapat beberapa aduan dan laporan kerana mempromosi aktiviti tidak bermoral bertenangan undang-undang.

Ini bermakna, tindakan pantas dan tegas dilaksanakan kerajaan mampu dilakukan terhadap aplikasi lain mengundang keruntuhan moral serta bertentangan norma budaya masyarakat Malaysia. Bagi mengawal platform penstriman secara da-

lam talian pula, Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan SKMM boleh meneliti serta menapis kandungan cerita tidak bersesuaian dengan meminda Akta Penapisan Filem 2002.

Suatu masa dahulu, kerajaan pernah menggerakkan kempen seperti 'Jauhi Maksiat Hindari Zina' dan 'Dadah Musuh No 1 Negara'. Justeru, kempen 'Jauhi Amalan Seks Bebas' wajar digerakkan dan dipapar di semua sekolah serta universiti.

Kempen ini juga perlu memasukkan fakta mengenai bahaya HIV/AIDS dan penyakit kelamin seperti klamidia, sifilis, gonorea serta herpes. Kini, ia bukan soal perbezaan gender antara lelaki dengan perempuan, bahkan perlu ditekankan bahaya hubungan sejenis.

Pada masa, kerajaan wajar menimbangkan hukuman kepada pesakit HIV tidak membuat saringan dan mendapatkan rawatan sewajarnya, kemudian menyebarkan kepada orang lain.

Di negara ini, menyebarkan penyakit berjangkit seperti HIV kepada orang lain adalah satu kesalahan bawah Seksyen 12 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Seksyen 269 atau Seksyen 270 Kanun Keseksaan.

Stigma masyarakat terhadap pesakit HIV juga perlu diperbetul. Sekarang, terdapat terdapat rawatan sangat berkesan boleh mengekalkan kawalan terhadap HIV dan pesakit juga dapat hidup normal seperti insan lain dengan mematuhi arahan doktor.

Perlu diingatkan, HIV bukan pengakhiran hidup tetapi lembaran keinsafan dan pintu taubat daripada Tuhan. Namun sebaiknya, sebarang perlakuan menjurus kepada amalan tidak bermoral perlulah dijauhi sebaik mungkin.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH